

BAHAGIAN A (15 Markah)

Arahan : *Setiap soalan diikuti oleh empat jawapan pilihan, A, B, C dan D. Pilih jawapan yang betul.*

1. Gambar menunjukkan sebuah penyaman udara.



Apakah atur cara yang ada pada alat ini?

- A. Menentukan berat muatan
 - B. Menyelaraskan suhu bilik berdasarkan isyarat daripada pengguna
 - C. Menentukan suhu yang sesuai untuk menyimpan makanan
 - D. Menentukan aktiviti harian manusia
2. Gambar menunjukkan simbol yang digunakan dalam carta alir.
- 
- A large, black, downward-pointing arrow symbol, commonly used in flowcharts to indicate a sequence or continuation of steps.

Apakah nama simbol di atas?

- | | |
|---------------|---------------|
| A. Terminal | C. Pilihan |
| B. Garis alir | D. Penyambung |

3. Apakah yang dimaksudkan dengan carta alir?

- A. Satu set pernyataan yang menyerupai bahasa atur cara komputer
- B. Satu urutan langkah-langkah untuk menyelesaikan suatu masalah atau melaksanakan suatu tugas
- C. Satu set arahan yang mengikut urutan yang mengarahkan komputer membuat sesuatu
- D. Gambar rajah yang menggunakan simbol-simbol geometri untuk menunjukkan langkah-langkah algoritma


4. Baca pernyataan di bawah.

Satu urutan langkah-langkah untuk menyelesaikan suatu masalah atau melaksanakan suatu tugas.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- | | | | |
|----|-----------|----|------------|
| A. | algoritma | C. | carta alir |
| B. | pseudokod | D. | proses |


5. Gambar menunjukkan ketuhar gelombang mikro.



Apakah jenis komputer yang terdapat dalam alat ini yang mempunyai atur cara komputer?

- | | | | |
|----|-----------------|----|--------------------|
| A. | komputer benam | C. | komputer tablet |
| B. | komputer tangan | D. | komputer atas meja |

6. Rajah 2 menunjukkan satu simbol yang digunakan dalam carta alir.



Apakah nama simbol ini?

- | | | | |
|----|----------|----|------------|
| A. | Terminal | C. | Pilihan |
| B. | Proses | D. | Penyambung |

7. Apakah yang dimaksudkan dengan pseudokod?

- | | |
|----|--|
| A. | Satu set arahan mengikut urutan yang mengarahkan komputer membuat sesuatu |
| B. | Satu urutan langkah-langkah untuk menyelesaikan suatu masalah atau melaksanakan suatu tugas |
| C. | Gambar rajah yang menggunakan simbol-simbol geometri untuk menunjukkan langkah-langkah algoritma |
| D. | Satu set pernyataan yang menyerupai bahasa atur cara komputer |

8. Apakah fungsi set arahan dalam satu atur cara?
- A. Membantu melaksanakan aktiviti harian dengan teratur
 - B. Membangunkan atur cara komputer melalui pengekodan
 - C. Untuk membenarkan akses kepada komputer
 - D. Untuk menyenggara perisian dan perkakasan komputer
9. Antara yang berikut, manakah merupakan perisian pengaturcaraan?
- A. MS Office
 - B. Scratch
 - C. Paint
 - D. Real Player
10. Mengapakah kita harus menguji atur cara selepas mengekod sesuatu atur cara?
- A. Bagi melihat paparan atur cara
 - B. Bagi mendengar audio dari atur cara
 - C. Bagi melihat pergerakan objek
 - D. Bagi mengetahui sama ada atur cara mempunyai ralat


11. Gambar menunjukkan satu simbol.



Apakah nama simbol di atas?


- A. Terminal
 - B. Proses
 - C. Pilihan
 - D. Penyambung
12. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan langkah untuk membangunkan projek pengaturcaraan?
- A. Menghasilkan dokumentasi
 - B. Menyenggara perisian komputer
 - C. Mereka bentuk atur cara
 - D. Menguji atur cara
13. Atur cara komputer dihasilkan dengan menggunakan bahasa _____.
- A. komputer
 - B. pengaturcaraan
 - C. mesin
 - D. isyarat

14. Gambar menunjukkan salah satu fitur yang terdapat dalam aplikasi Scratch.



Apakah fitur yang ditunjukkan di kawasan berwarna putih dalam gambar di atas?

- A. *Stage*
B. *Bar Menu*
C. *Sprite List*
D. *Scripts Area*
15. Gambar menunjukkan satu contoh blok yang digunakan dalam aplikasi Scratch.




Apakah fungsi blok di atas?

- A. Untuk mengubah visual objek
B. Untuk memasukkan bunyi
C. Untuk memasukkan pergerakan objek
D. Untuk melaksanakan arahan atur cara

BAHAGIAN B (35 Markah)

Arahan : Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan kamu dalam ruangan yang disediakan.

1. Lengkapkan peta pokok di bawah dengan menyatakan sama ada alatan di bawah **alatan digital** atau **alatan bukan digital**.



(10 markah)

2. Tuliskan nombor pada ruangan yang disediakan berdasarkan urutan aktiviti harian dan proses kerja dalam satu alatan digital.

(a) Aktiviti harian

Tunggu arahan daripada guru	Kembali ke kelas setelah tamat masa untuk mata pelajaran TMK	Masuk ke makmal komputer	Menghidupkan komputer	Beratur ke makmal komputer	Menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru
3			4		

(b) Proses kerja dalam alatan digital

Pencetak mula mencetak setelah menerima arahan daripada komputer	Maklumat yang ditapis disimpan pada storan	Arahan daripada tetikus dan papan kekunci diterima dan dilaksanakan	Sistem komputer menerima bekalan elektrik apabila suis dihidupkan	Komputer menerima arahan untuk "shut down" (menutup sistem operasi)	Arahan untuk mencetak tugas diterima dan dihantar ke pencetak
	3		1		

(8 markah)

3. Berdasarkan pernyataan di bawah, nyatakan **BETUL** atau **SALAH**.


(a)	Set arahan yang lengkap membantu melaksanakan aktiviti harian dengan teratur.	
(b)	Algoritma ialah satu set pernyataan yang menyerupai bahasa atur cara komputer.	
(c)	Dalam urutan, suatu arahan hanya akan dilaksanakan sekiranya syarat pernyataan dipenuhi.	
(d)	<i>Scripts Area</i> dalam aplikasi Scratch merupakan kawasan <i>Sprite</i> bergerak dan berinteraksi.	
(e)	Mereka bentuk atur cara ialah proses membina pseudokod dan carta alir berdasarkan algoritma yang telah disediakan.	

(5 markah)

4. Masukkan jawapan yang betul bagi melengkapkan pseudokod dan carta alir berdasarkan kepada algoritma di bawah.

Algoritma
1. Murid beratur di luar kelas apabila loceng rehat dibunyikan.
2. Murid bergerak ke kantin.
3. Murid membeli makanan dan minuman.
4. Murid bergerak ke meja untuk makan.
5. Murid beratur apabila loceng dibunyikan bagi menandakan waktu rehat tamat.

(a) Pseudokod	
1.	Mula.
2.	_____ dibunyikan.
3.	_____ ke kantin.
4.	_____ makanan dan minuman.
5.	_____ di meja.
6.	_____ dibunyikan.
7.	_____ ke kelas.
8.	Tamat.



~ SOALAN TAMAT ~

(12 markah)

SKEMA JAWAPAN**Bahagian A**

1. B
2. B
3. D
4. A
5. A
6. C
7. D
8. A
9. C
10. D
11. A
12. B
13. B
14. A
15. D

Bahagian B

Soalan 1

- i. ketuhar gelombang mikro
- ii. televisyen pintar
- iii. komputer
- iv. penyaman udara
- v. penyedut hampagas robotic
- vi. dapur gas
- vii. periuk
- viii. kipas elektrik
- ix. kualiti
- x. seterika

Soalan 2

(a)

3	6	2	4	1	5
---	---	---	---	---	---

(b)

5	3	2	1	6	4
---	---	---	---	---	---

Soalan 3

- a) betul
- b) salah
- c) salah
- d) salah
- e) betul

Soalan 4(a)

- 1) mula
- 2) loceng rehat dibunyikan
- 3) bergerak ke kantin
- 4) membeli makanan dan minuman
- 5) makan dan minum di meja
- 6) loceng dibunyikan
- 7) beratur ke kelas
- 8) tamat

Soalan 4(b)

